



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**TEKS UCAPAN**  
**YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI**  
**MENTERI**  
**PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
**(KPDNHEP)**

**SEMPENA**  
**PELANCARAN**  
**KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA@PETRONAS 2020**

**BERTEMPAT DI**  
**STESEN PETRONAS JALAN KOLAM AYER LAMA,**  
**AMPANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,**

- 1. YBRS. ENCIK AHMAD ADLY ALIAS  
NAIB PRESIDEN (PEMASARAN)  
PETROLIAM NASIONAL BERHAD (PETRONAS)**
- 2. YBHG. DATUK SERI HAJI HASNOL ZAM ZAM BIN HAJI AHMAD  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**
- 3. YBRS. ENCIK AZRUL OSMAN RANI  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / PENGARAH URUSAN  
PETRONAS DAGANGAN BERHAD**
- 4. YBRS. DR. ALAUDDIN BIN SIDAL  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI)  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**
- 5. PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN**
- 6. PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PETRONAS DAGANGAN BERHAD**
- 7. USAHAWAN-USAHAWAN PKS TEMPATAN**
- 8. RAKAN-RAKAN MEDIA**
- 9. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, HADIRIN YANG SAYA  
HORMATI SEKELIAN**

## **Salam Sejahtera Dan Selamat Pagi.**

1. Pertama sekali saya mengucapkan syukur kerana dapat kita berkumpul bersama-sama untuk menghadiri program Kempen Beli Barangan Malaysia di PETRONAS atau dengan nama singkatannya KBBM@PETRONAS 2020 bertempat di Stesen Petronas Jalan Kolam Ayer Lama, Ampang pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak PETRONAS dan KPDNHEP yang telah memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan program pada hari ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

### **Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kempen Beli Barangan Malaysia atau nama ringkasnya KBBM ini adalah merupakan sebuah inisiatif yang telah diperkenalkan oleh kerajaan sejak tahun 1984 dan telah diberikan tanggungjawab untuk dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Kempen KBBM ini adalah bertujuan untuk **memperkukuhkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan pengguna di malaysia untuk membeli barangan tempatan selain untuk memupuk semangat patriotisme rakyat Malaysia** bagi mengutamakan barangan keluaran Malaysia.

4. Langkah kerajaan bagi memperkasakan KBBM tahun ini adalah sangat tepat untuk mengimbangi cabaran ekonomi semasa khususnya bagi merancakkan dan merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dan meningkatkan kesedaran para pengguna tentang kewujudan produk tempatan dan sekaligus menggalakkan pembeliannya. Bagi menangani impak pandemik Covid-19 terhadap ekonomi negara, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah dilaksanakan. Di bawah PENJANA, sejumlah RM35 bilion telah diperuntukkan merangkumi 40 inisiatif yang akan memberikan kesan secara langsung kepada PKS tempatan dan salah satunya adalah melalui inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia. Semua inisiatif yang dilaksanakan ini mencerminkan usaha kerajaan untuk menyokong pengusaha-pengusaha PKS tempatan dalam memulakan semula perniagaan bagi menuju ke arah pemulihan.

5. Dengan memupuk kesedaran dan penghargaan kepada produk tempatan, kempen ini secara langsung juga dapat membantu pengusaha tempatan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam mengembangkan perniagaan mereka. Untuk makluman hadirin sekalian, sektor PKS telah dikenalpasti sebagai salah satu pemangkin utama dalam pertumbuhan ekonomi negara. Menurut statistik yang telah dikeluarkan oleh SME Corp dan Jabatan Perangkaan Malaysia, sumbangan PKS kepada ekonomi terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara terus berkembang pada tahun 2019 meskipun persekitaran dalam negeri dan global adalah mencabar. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 29 Julai 2020, **sumbangan PKS**

**kepada keseluruhan KDNK telah meningkat kepada 38.9% pada tahun 2019 berbanding 38.3% yang dicatatkan pada tahun 2018.**

6. Jumlah ini adalah merupakan satu peratusan yang agak besar dan signifikan kepada negara kita dan ini membuktikan bahawa produk-produk tempatan telah memberikan sumbangan yang begitu besar kepada ekonomi negara dan dijangka akan terus menyumbang kepada peningkatan peratusan KDNK Malaysia pada tahun-tahun akan datang. Ini membuktikan peranan PKS sebagai tonggak ekonomi negara yang penting yang berupaya menyediakan peluang pekerjaan dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

7. Selaras dengan hasrat ini, Kementerian melalui Kempen Beli Barangan Malaysia pada tahun ini telah melaksanakan pelbagai strategi dan mekanisma dalam memperkenalkan produk-produk PKS tempatan ke dalam sektor peruncitan melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat peruncitan utama di negara ini, sehinggalah produk-produk tempatan ini mampu menembusi pasaran *hypermarket*, pasar raya, kedai serbaneka dan rangkaian kedai syarikat minyak di seluruh negara. Inisiatif ini sekaligus dapat membantu pengusaha-pengusaha tempatan memperluaskan pasaran bagi produk keluaran mereka.

8. Sehubungan dengan itu, Kementerian sangat menghargai sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak PETRONAS Dagangan Berhad yang telah memberikan komitmen dalam membantu menjayakan inisiatif KBBM ini. Saya sangat menyambut baik dan menghargai usaha yang dilakukan PETRONAS ini. Sesungguhnya, segala langkah dan

inisiatif yang telah dilakukan ini merupakan **satu Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang telah dijalankan oleh pihak PETRONAS bagi membantu perkembangan pengusaha-pengusaha PKS tempatan** dan saya berharap agar ianya akan dapat diikuti oleh syarikat-syarikat minyak di Malaysia yang lainnya.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Antara promosi dan inisiatif PETRONAS untuk menyokong Kempen Beli Barangan Malaysia pada tahun ini ialah dengan **mewujudkan lebih banyak *Point Of Sales Material (POSM)* sebagai bahan promosi KBBM di setiap stesen minyak dan kedai mesra PETRONAS.** Para pengunjung yang mengunjungi mana-mana outlet PETRONAS di seluruh negara akan menyedari promosi KBBM ini di *hose-hose* pam minyak, di kaunter bayaran dan di rak barang sama ada di dalam dan luar stesen. Turut ditampikan ialah **rak khas *KBBM Corner*, iaitu sebuah *dedicated shelf* hasil kerjasama antara KPDNHEP dengan PETRONAS Dagangan Berhad yang akan menampilkan pembekal-pembekal makanan dan minuman tempatan dan produk-produk lain di outlet-outlet PETRONAS yang mempunyai kadar pengunjung yang ramai dan aliran trafik yang tinggi.**

10. Saya dimaklumkan bahawa melalui Kempen Beli Barangan Malaysia yang telah dijalankan dengan kolaborasi bersama PETRONAS buat pertama kali pada tahun 2019 yang lepas, pihak PETRONAS Dagangan Berhad telah memberikan laluan dan tempat kepada usahawan-usahawan PKS tempatan di seratus lapan puluh lima (185) buah premis-

premis kedai mesra PETRONAS di seluruh negara. Melalui Kempen Beli Barangan Malaysia@PETRONAS pada tahun 2020 ini pula, saya dimaklumkan bahawa **promosi KBBM ini akan dipertingkat dan disebarluas di mana ianya akan dijalankan di seluruh lapan ratus satu (801) buah stesen minyak dan Kedai Mesra PETRONAS yang meliputi 698 stesen PETRONAS di Semenanjung Malaysia dan 103 stesen PETRONAS di Sabah dan Sarawak.** Syabas dan terima kasih kepada PETRONAS!

11. Melalui kerjasama di antara KPDNHEP dan PETRONAS bagi pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia pada tahun 2019 yang lepas, ianya telah menunjukkan hasil yang sangat memberangsangkan. Sebagai perbandingan, **bagi tempoh Ogos sehingga Disember 2019,** jumlah nilai jualan yang dicatatkan oleh pembekal PKS tempatan semasa Kempen Beli Barangan Malaysia telah merekodkan **nilai hasil jualan berjumlah 29,690,577.44** berbanding **bagi tempoh yang sama pada 2018 yang mencatatkan nilai jualan berjumlah 20,550,191.33.** Jumlah peningkatan nilai hasil jualan semasa kempen dijalankan adalah **meningkat sebanyak 44.48%** dengan melibatkan **penyertaan sebanyak 320 SKU** pengusaha PKS tempatan.

12. Saya juga dimaklumkan oleh pihak PETRONAS Dagangan bahawa pada program pelancaran hari ini, **sejumlah enam (6) buah syarikat PKS dan pembekal baru telah dipilih untuk disenarai masuk di rangkaian kedai mesra PETRONAS di mana kita dapat saksikan melalui penyertaan mereka di booth-booth pameran pada hari ini.**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

13. Sempena majlis pada hari ini, saya mengambil peluang menjemput para hadirin sekalian untuk melihat konsep baru Kedai Mesra di Stesen Petronas Jalan Kolam Ayer Lama ini, di mana saya dimaklumkan ianya merupakan stesen minyak PETRONAS premium yang menjadi perintis kepada stesen minyak PETRONAS bentuk baru di Malaysia. Konsep terbaru Kedai Mesra ini turut **menonjolkan pembekal-pembekal tempatan terutamanya di bahagian *food service area/ready to eat (RTE)***.

14. Sebagai makluman kepada para hadirin, selain daripada PETRONAS, bagi pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia ini, Kementerian turut menerima kerjasama dan sokongan daripada peruncit-peruncit utama di negara ini dan juga daripada perniagaan atas talian *marketplace* di Malaysia. Kementerian merasakan bahawa lebih ramai penyertaan daripada syarikat-syarikat dalam KBBM ini, ia akan memeriah dan merancakkan kempen sekaligus dapat membantu menjayakan kempen ini dengan lebih berkesan dan mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

15. Akhir kata, saya berharap agar semua pihak yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, rakan-rakan strategik dan pihak industri yang terlibat dalam menjayakan Kempen Beli Barangan Malaysia ini akan terus bersama-sama menyokong kempen ini untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sesungguhnya barang baik itu adalah barang kita.



## **#barangbaikbarangkita**

16. Dengan ini, saya melancarkan program Kempen Beli Barangan Malaysia@PETRONAS bagi tahun 2020.

Sekian, salam hormat dan terima kasih.